

PARLIMEN-DEMOKRASI

1975
KUALA LUMPUR, 26 MAC (BERNAMA)—KERAJAAN TIDAK BERNIAT
UNTUK MENGUBAH CORAK DEMOKRASI DI NEGERI INI. TIMBALAN PERDANA
MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASAKAN HARI INI.
BELIAU BERKATA DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI MALAYSIA ADALAH
BERJALAN DENGAN LICIN DAN SEMPURNA.

MENJAWAB SOALAN WAN MOHAMAD NAJIB WAN MOHAMAD (BN-PASIR PUTIH)
DI DEWAN RAKYAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGAIMANAPUN
KERAJAAN MEMANG MENGAWAS PERKEMBANGAN DEMOKRASI DEMI MENJAMIN IANYA
TIDAK DISALAHGUNAKAN OLEH PEHAK-PEHAK TERTENTU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG ADA SEGOLONGAN MEREKA
YANG TIDAK PUAS HATI DENGAN SISTEM DAN PEMERINTAHAN DEMOKRASI
YANG DIAMALKAN SEKARANG.

INI ADALAH SATU PERKARA BIASA, KERANA DALAM SISTEM DAN PEMERIN-
TAHAN OLEH KERAJAAN MANAPUN, PASTI ADA YANG TIDAK BERPUAS HATI.

+YANG HARUS DITITIBERATKAN IALAH ADANYA KRITIK DAN KECAMAN
YANG DIBUAT OLEH MEREKA SUATU BUKTI YANG JELAS BAHAWA DEMOKRASI
UJUD DALAM NEGARA, + KATA BELIAU.

+JIKA TIDAK ADA DEMOKRASI SEPERTI YANG DIDIDAKWAKAN OLEH GOLONGAN
ITU MAKA MEREKA SUDAH LAMA AKAN DIMASUKKAN DALAM TAHANAN.

+MALANGNYA MEREKA INI TIDAK PERNAH BERSYUKUR DAN MEREKA SENGAJA
TIDAK MAHU MENGAKU KEBURUKAN YANG TERDAPAT DI NEGARA YANG MENGIKUT
MEREKA KONONNYA DEMOKRASI. +

—BERSAMBUNG 1755/AH

22

B617

PARLIMEN-DEMOKRASI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETU LAGI BUKTI BAHAWA
TUDUHAN MEREKA TIDAK BERASAS IALAH KEENGGANAN MEREKA MENINGGALKAN
MALAYSIA DAN PERGI KE NEGARA YANG DIANJUNG TINGGI OLEH MEREKA.

MEREKA TAHU MEREKA AKAN DIPERHINAKAN DI NEGARA-NEGARA ITU. +
KATANYA.

+KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHALANG PEMERGIN MEREKA TETAPI
MALANGNYA TIDAK RAMAI DARI MEREKA INI YANG INGIN PERGI DAN YANG
PERGI PULA TIDAK MAHU LEPASKAN KERAKYATAN MALAYSIA, +
TEGASNYA. —BERNAMA 1757/AH